

Tarikh Dibaca: 04 November 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“TANGGUNGJAWAB YANG DIABAIKAN”

Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**



"TANGGUNGJAWAB YANG DIABAIKAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ
وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ^١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah bersama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan ketaatan mematuhi syariat dan melaksanakan perintah Allah serta menjauhi segala larangan-Nya bagi menjamin keredhaan Allah SWT kepada kita.

¹ Al-Anfal; 27



Persiapkan bekalan untuk kehidupan di akhirat, sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah taqwa.

Khutbah Jumaat pada hari ini akan lebih menjelaskan kepada kita tajuk yang berkaitan "**TANGGUNGJAWAB YANG DIABAIKAN**".

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Melaksanakan tanggungjawab adalah lambang ketinggian peribadi dan asas agama yang mesti dimiliki oleh setiap insan. Sesungguhnya menunaikan tanggungjawab merupakan amanah yang menjadi asas dalam kehidupan dan lambang keimanan bagi diri seorang muslim. Ini adalah sebagaimana dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Anas Bin Malik RAhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ، وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا
عَهْدَ لَهُ

"Tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tidak amanah pada dirinya, tidak sempurna agama bagi sesiapa yang tidak boleh dipegang janjinya".

Sesungguhnya amanah merupakan sesuatu yang berat untuk dipikul dan disempurnakan. Justeru setiap manusia yang bersifat lemah dan serba kekurangan ini perlu memiliki iman yang kuat dan pertautan hati yang ampuh kepada Allah di sepanjang masa untuk menjamin kejayaannya dalam menggalas amanah. Inilah perkara yang pernah dipesan oleh Rasulullah SAW kepada Abu Zar RAhu dengan sabdanya;



يَا أَبَا ذَرٍ إِنَّكَ ضَعِيفٌ وَإِنَّهَا أُمَانَةٌ، وَإِنَّهَا يَوْمٌ
الْقِيَامَةِ خَزْنٌ وَنَدَامَةٌ، إِلَّا مَنْ أَخْذَهَا بِحَقِّهَا
وَأَدَى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا

"Wahai Abu Zar! Sesungguhnya engkau lemah dan ia (kepimpinan) adalah amanah. Sesungguhnya ia di hari kiamat menjadi punca kehinaan dan penyesalan kecuali sesiapa yang berjaya mengambilnya dengan hak dan menunaikan semua tuntutannya".

(Riwayat Muslim).

Muslimin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,

Realitinya pesanan dan ingatan Rasulullah ini sudah semakin jauh dari amalan dan penghayatan umat Islam hari ini. Tanpa rasa gentar dan bimbang, kita bukan sahaja berebut untuk menggalas amanah, malah sengaja mengkhianati amanah tersebut setelah berjaya mendapatkannya. Tidak kurang juga yang menggunakan kedudukannya sebagai pemegang amanah untuk meraih laba dunia, membina kekayaan dengan jalan menipu, rasuah dan melakukan penyelewengan. Lupakah kita pada amaran yang pernah dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Ma'qil Bin Yasar RAhu bahawa Rasulullah SAW bersabda;



مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتَرِعِيهِ اللَّهُ رَعِيَّةً، يَمُوتُ يَوْمَ
يَمُوتُ وَهُوَ غَاشٌ لِرَعِيَّتِهِ إِلَّا حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ
الْجَنَّةَ

"Tiada seorang hamba yang diberikan tanggungjawab oleh Allah untuk mentadbir urusan rakyat, lalu dia mati dalam keadaan menipu rakyatnya, melainkan pasti Allah haramkan untuknya syurga".

Hadirin sekalian,

Hari demi hari kita melihat dan merasakan akibat dari amanah yang dikhianati dan tanggungjawab yang diabaikan. Tiada siapa yang mampu menafikan realiti kehidupan kita kini yang semakin hilang keberkatannya. Malah keharmonian dan kedamaian mula lenyap dan pergi, kesempitan dan tekanan hidup mula dirasai. Masalah dan krisis datang silih berganti. Tidakkah kita nampak semua musibah ini? Penyelewengan dan jenayah semakin bermaharajalela, maksiat dan gejala sosial kian berleluasa, kebejatan akhlak dan keruntuhan moral semakin menular di mana-mana. Apakah wajar kita berdiam diri membiarkan semua ini berlaku?

Setelah menyedari betapa besarnya bencana akibat mengabaikan tanggungjawab dalam menunaikan amanah, kita perlu bertindak dan bangkit dari kealpaan. Kita perlu kembali memupuk iman dan membangunkan jati diri. Justeru, semua pihak perlu saling bekerjasama dalam melaksanakan usaha murni yang ini. Bermula dari diri sendiri hingga ke peringkat Negara perlu bersama menggembungkan tenaga untuk menjayakannya.



Antara usaha-usaha yang perlu digiatkan ialah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Setiap muslim perlu kembali memahami dan menghayati ajaran Islam. tanpa kefahaman dan penghayatan agama, kita akan mudah jatuh ke lembah dosa dan kemungkaran. Islam mengajar kita bahawa dunia adalah medan ujian untuk menentukan kejayaan sebenar yang kekal abadi di akhirat kelak. Justeru, peruntukkanlah masa dalam memahami agama, menghayati dan mengamalkannya kerana semua ini akan menjadi saksi di hadapan Allah tentang apa yang telah kita lakukan ketika hidup di dunia. Firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 24;

يَوْمَ تَشَهِّدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا
كَانُوا يَعْمَلُونَ



"Pada hari (kiamat) lidah mereka dan tangan mereka serta kaki mereka menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, tentang segala yang mereka lakukan (di dunia dahulu)".

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Pergiatkanlah usaha-usaha membudayakan berpesan-pesan dengan kebaikan. Setiap muslim di kedudukan mana pun perlu merealisasikan tanggungjawab berpesan-pesan dengan kebaikan dan kesabaran. Para ulama perlu menasihati pemimpin di samping membimbing masyarakat. pemimpin perlu mendengar nasihat dan rintihan daripada rakyat. Ibu bapa perlu terus mendidik dan membimbing keluarga. Para pendidik perlu gigih membentuk generasi muda kearah kebaikan, membudayakan amanah dan kejujuran dalam kehidupan. Yakinlah kita akan sentiasa berada di dalam



kebaikan selagi mana budaya nasihat menasihati ini sentiasa diamalkan dalam masyarakat.

Firman Allah SWT dalamsurah al-Asr ayat 1-3;

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الظَّالِمُونَ
ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلَحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا

بِالصَّبَرِ ﴿٣﴾

"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar".

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Sebenarnya tanggungjawab dalam menangani gejala pengkhianatan amanah ini memerlukan penglibatan semua pihak. Di samping setiap individu dididik dan dibentuk supaya mematuhi peraturan, pihak pemerintah pula selaku penguasa adalah diharapkan dapat meneruskan sistem pendidikan yang mantap dan bersepada bagi membentuk jati diri setiap individu dalam masyarakat. Di samping meningkatkan penerapan nilai-nilai Islam yang unggul dalam pentadbiran dan pengurusan. Di sudut penguatkuasaan undang-undang juga perlu digarap dengan kemas dan lebih telus untuk menjamin kemakmuran Negara dan kesejahteraan rakyat jelata. Sekiranya semua pihak berganding bahu dan bekerjasama dalam kerja-kerja membangunkan jati diri umat Islam di Negara ini, insya-Allah akan lahirlah



generasi yang hidup berpandukan syariat bertunjangkan iman, berdiri teguh dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah sebagai pedoman.

Muslimin yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa perkara berikut;

1. Umat Islam hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Mengabaikan tanggungjawab adalah bukti keruntuhan iman dan kerendahan maruah seseorang muslim.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa mengkhianati amanah akan mengundang bencana yang besar dalam kehidupan ini.
3. Umat Islam hendaklah mempergiatkan usaha-usaha mendidik dan menerapkan iman serta kefahaman Islam kepada semua lapisan masyarakat supaya mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.



أَعُوذ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا
حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا
يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا



"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat".

(an-Nisa' ; 58).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أُووصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrim yang kesannya akan menjaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
الَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَى عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَالَّاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَالَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ . اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ ،
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ .

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.



Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit Zika dan Denggi supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa dilindungi dan diberkati.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتَنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَيْهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
27.10.2016